

19 JUL 1999

Lapangan terbang

LAPANGAN TERBANG PERLU PELBAGAIKAN AKTIVITI BAGI PERTUMBUHAN BERKEKALAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Lapangan terbang perlu keluar daripada amalan tradisi dan memperluaskan jenis perkhidmatan yang disediakan bagi menikmati pertumbuhan berkekalan dalam jangka masa panjang, kata Pengerusi Malaysia Airports Berhad Tan Sri Basir Ismail.

Beliau berkata itu boleh dilakukan tanpa mengabaikan elemen utama iaitu memastikan perjalanan lancar, cepat dan selamat kepada orang ramai yang menggunakan perkhidmatan udara.

"Jika lapangan terbang terus berkisar di sekitar skop perniagaan tradisi, mereka tidak boleh bangun dan bersaing dalam persekitaran yang kompetitif pada masa depan," katanya dalam ucapan aluan pada Perhimpunan dan Persidangan Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI), Wilayah Pasifik ke-9 di sini hari ini.

Basir berkata lapangan terbang pada masa depan perlu diperluaskan untuk bertapak dalam industri lain yang penting bagi pertumbuhan berterusan dan tanpa had.

Lapangan terbang mempunyai keupayaan menjana pendapatan besar jika pengurusannya sanggup meneroka di luar bidang kebiasaannya.

"Mereka yang berinovasi dan sanggup keluar daripada rangka kerja tradisi, akan makmur," katanya.

Basir berkata beliau setuju dengan pendapat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan perhimpunan itu semalam bahawa perkhidmatan lapangan terbang perlu setaraf dengan perkhidmatan industri perhotelan.

Katanya tema persidangan "Lapangan Terbang Generasi Akan Datang: Ia Sendiri Satu Destinasi" bertepatan dengan peranan baru yang boleh dimainkan oleh lapangan terbang pada alaf baru.

"Maksud sebenar kita ialah kita sedang melihat peranan tambahan lapangan terbang," kata Basir merujuk kepada pembesaran skop Malaysia Airports sendiri dalam perkhidmatan dan industri lain yang boleh memenuhi keperluan pertumbuhan berkekalan.

Beliau berkata Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), dibina berdasarkan faktor itu dan ia sendiri menjadi destinasi manakala perniagaan lain dijangka menjadi sebahagian daripada lapangan terbang itu.

Menurutnya daripada operasi lapangan terbang, Malaysia Airports berkembang dan terbabit dalam beberapa perniagaan termasuk pembinaan Sirkuit Perlumbaan Formula 1 antara yang terbaik di dunia.

"Melalui pemasaran dan promosi, ia boleh menjadi satyu sumber perniagaan lapangan terbang," katanya.

Presiden ACI-Pasifik, George Bellew memberitahu Bernama bahawa saranan supaya lapangan terbang mempelbagaikan aktiviti kena pada masanya kerana lapangan terbang perlu berusaha ke arah itu semasa mereka melangkah ke alaf baru.

Menurutnya aktiviti ekonomi semasa lapangan terbang di seluruh dunia melibatkan US\$420 bilion dengan anggaran empat juta pekerja dalam industri itu.

Mengenai KLIA, Bellew berkata beliau kagum bukan sahaja kerana kecantikannya tetapi juga fungsinya.

"KLIA adalah lapangan terbang generasi baru sebenarnya yang akan membawa Malaysia, bersedia ke alaf baru," katanya.

Sebanyak 300 peserta termasuk pengurus lapangan terbang dan pengendali syarikat penerbangan dari 15 negara menghadiri persidangan empat hari itu.

-- BERNAMA

MNY LAT MAI